

## **Program “Creating Content: Going Viral with Value”**

*Perbincangan yang telah dihoskan oleh Forum Kandungan, stesen radio ZAYAN dan IIUM FM memperhalusi nilai murni yang diperolehi melalui medium media sosial*

**GOMBAK, 22 MEI 2023** – Kewujudan media sosial mengukuhkan lagi adab dan nilai murni masyarakat apabila ia menjadi tempat individu untuk berkarya dengan menyelitkan elemen positif di dalam kandungan yang dihasilkan. Tidak salah menggunakan media sosial untuk kebaikan, tetapi segala perbuatan dan percakapan di media sosial perlu berhati-hati kerana ada mata memerhati dan telinga mendengar.

Bagi memperhalusi persoalan ini dan seterusnya membentuk sahsiah dalam diri masyarakat secara dalam talian, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Forum Kandungan) telah berkolaborasi dengan stesen radio ZAYAN dan IIUM FM bagi menganjurkan program Sembang Santai – “Creating Content: Going Viral with Value”.

Antara panel jemputan terdiri daripada penyampai radio ZAYAN iaitu Faizal Ismail dan Lin Ariffin; pengengaruh iaitu Abdul Qawiy, dan Pensyarah Jabatan Komunikasi UIAM iaitu Dr. Zeti Azreen Ahmad; dan program ini juga telah dihoskan oleh Ustaz Hadhari Romli dan Ammer Ihsan.

Memandangkan terdapat kepelbagaian kandungan yang telah tersebar dalam satu jangka masa yang singkat, para pengguna media sosial seharusnya mempraktikkan kawalan sendiri sebelum memuat naik atau berkongsi sesuatu kandungan.

“Sekarang adalah zaman di mana orang mempromosikan diri sendiri melalui media sosial. Mereka mencipta kandungan untuk menjadi terkenal.”

Mengulas lanjut Faizal Ismail turut berkata bahawa kita perlu menahan diri daripada membuat kandungan atau ulang siar kandungan negatif. Kita seharusnya menyebarkan kebaikan, bukan yang mendatangkan keburukan.

Hal ini sangat penting bagi memupuk kesedaran orang ramai supaya menggunakan media sosial dengan sebaik mungkin serta menyekat penyebaran kandungan yang berunsur prejudis terhadap kaum, agama, jantina, seksual atau keganasan.

Pepatah Melayu menyebut ‘kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa’. Ini membawa maksud pecakapan kasar, tidak elok atau tidak menjaga tutur kata akhirnya memberi padah kepada penuturnya.

Ia juga bermaksud betapa pentingnya penerapan nilai murni seperti adab sopan dan etika dalam kehidupan masyarakat hari ini yang seperti semakin dilupakan dan ditinggalkan terutamanya di ekosistem digital.

Lin Ariffin turut menegaskan bahawa pengguna media sosial tidak boleh berkongsi kandungan sebarang, “tanggungjawab yang diterima adalah membentuk modal insan dan tanggungjawab ini sangat besar”.

Beliau turut menasihati supaya bijak membezakan kritikan yang menjatuhkan dengan kritikan yang membina. Jika perlu memberi maklumbalas, berilah respon secara berhemah.

“Bila kita nak memuat naik sesuatu kandungan, kita perlu pastikan kesahihan maklumat tersebut terlebih dahulu.”

Demikian menurut salah seorang ahli panel Abdul Qawiy, iaitu pengengaruh yang juga seorang hafiz. Beliau juga mengambil pendekatan untuk menyebarkan kebaikan di media sosial TikTok melalui pembacaan ayat-ayat suci al-Quran.

Menurut Qawiy juga, beliau tidak menyangka perkongsian berbentuk bacaan al-Quran yang pada awalnya dilakukan sekadar rutin harian untuk diri sendiri, akhirnya memperoleh banyak pengikut.

Pensyarah Jabatan Komunikasi, Kulliyah Ilmu Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Zeti Azreen Ahmad turut menyokong kenyataan tersebut. Menurut beliau, tiada medium khusus untuk seseorang itu berdakwah dan menyampaikan perkara kebaikan.

“Sebelum ini dakwah dilakukan secara bersemuka, ceramah, atau dalam bentuk penulisan, tetapi kini masyarakat lebih suka kepada perkongsian di media sosial.”

“Melihat perubahan teknologi dan gaya hidup masyarakat kini, penggunaan media sosial didapati merupakan wadah yang terbaik untuk berdakwah kerana semua orang menggunakannya.”

Hal ini merupakan satu trend yang agak baik kerana penggunaan media sosial merupakan aktiviti yang paling popular di seluruh dunia sekarang ini. Walau bagaimanapun, beliau turut meminta para pencipta kandungan agar bertanggungjawab ke atas sebarang kandungan yang dikongsi kerana ia membentuk persepsi dan akan memberi kesan kepada penerima.

Hal ini kerana nilai murni boleh memartabatkan masyarakat untuk menjadi masyarakat kelas pertama yang berteraskan prinsip yang mulia sama ada dalam agama, komuniti bangsa dan negara. Masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka adalah masyarakat yang bertamadun.

“Tanggungjawab kita sekarang adalah memberi pesan bahawa sebarang kandungan yang ingin disebar mesti ada manfaat kepada orang ramai,” ujar Faizal Ismail.

Ketika kita sedang bergerak ke hadapan, sudah tiba masanya untuk semua pihak melakukan perubahan tingkah laku. Ia bukan sekadar retorik atau isu bermusim tetapi seharusnya nilai-nilai murni menjadi satu budaya dalam masyarakat.

- TAMAT -

## **MENGENAI FORUM KANDUNGAN**

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Forum Kandungan) merupakan badan industri kawalan sendiri bebas yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM '98) untuk menyelia dan mempromosikan kawalan sendiri kandungan melalui

medium elektronik berangkai. Forum Kandungan terdiri daripada pemain utama industri kandungan iaitu pengiklan, agensi pengiklanan, penyiar, pencipta/pengedar kandungan, penyedia perkhidmatan pengehosan teks audio, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik.

Bertujuan untuk memudahkan kawalan sendiri, yang menyediakan lapisan tambahan perlindungan pengguna yang melengkapkan rangka kerja undang-undang, Forum Kandungan komited untuk mentadbir dan mempromosikan penciptaan, pengedaran dan penggunaan kandungan elektronik berangkai.

Sebagai badan kawalan sendiri industri, Forum Kandungan terdiri daripada ahli utama industri kandungan komunikasi dan multimedia, termasuk penyiar, pengiklan, pencipta kandungan, penyedia perkhidmatan akses internet dan kumpulan sivik. Perwakilan pengamal industri yang dinamik dan teguh ini memastikan piawaian kandungan terus dibangunkan dengan objektif untuk mewujudkan kesamarataan dalam kalangan industri.

Forum Kandungan bertanggungjawab untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan). Kod Kandungan telah disediakan oleh Forum Kandungan dan pertama kali didaftarkan dengan MCMC pada 1 September 2004. Kod Kandungan merupakan rujukan utama bagi pengawalseliaan sendiri industri kerana ia mengandungi piawaian pentadbiran dan amalan terbaik untuk penyebaran kandungan dalam industri komunikasi dan multimedia di Malaysia. Objektif utama Kod Kandungan adalah untuk menggariskan prosedur kawalan sendiri yang menyediakan platform untuk kreativiti, inovasi dan pertumbuhan sihat industri yang berkembang pesat.

Forum Kandungan menempatkan Biro Aduan yang diberi kuasa untuk menangani semua aduan berkaitan kandungan yang disebarkan melalui elektronik berangkai. Biro Aduan diberi kuasa untuk menyiasat kemungkinan pelanggaran Kod Kandungan, menjadi perantara pertikaian, mengadili kes, menerbitkan perintah dan mengenakan sekatan sekiranya perlu. Biro Aduan menerima aduan daripada pemain industri dan orang awam. Selain itu, ia memainkan peranan sebagai penasihat kepada mana-mana pihak yang memerlukan bimbingan berkenaan perihal kandungan elektronik.

---

## Dikeluarkan oleh GO Communications bagi pihak Forum Kandungan

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

### **GO Communications**

**Lim Huei Yuih**, Pengarah Penjenamaan.

**Anis Jilid**, Eksekutif Kanan Penjenamaan

+6012 635 3278 [hueiyuih@gocomm.com.my](mailto:hueiyuih@gocomm.com.my)

+6011 1233 9022 [anis@gocomm.com.my](mailto:anis@gocomm.com.my)

---